

**PENERANGAN INFOGRAFIK RINGKASAN KESELURUHAN
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA (LKAN) TAHUN 2021 SIRI 2
MENGENAI AUDITAN KHAS PENGURUSAN HUTAN DAN IMPAK KEPADA ALAM SEKITAR,
AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI
SERTA PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN NEGERI JOHOR**

1. Infografik ini menunjukkan ringkasan keseluruhan bagi buku LKAN Tahun 2021 Siri 2 mengenai Audit Khas Pengurusan Hutan dan Impak kepada Alam Sekitar, Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri serta Pengauditan Pematuhan Jabatan Negeri Johor. Bagi LKAN Tahun 2021 Siri 2, sebanyak tiga pengauditan prestasi, satu pengauditan pengurusan syarikat Kerajaan negeri dan tiga pengauditan pematuhan jabatan negeri telah dilaksanakan.
2. Sebanyak tujuh pengauditan yang dilaksanakan seperti berikut:
 - a. Pengurusan Hutan dan Impak Kepada Alam Sekitar melibatkan Jabatan Perhutanan Negeri Johor (JPNJ);
 - b. Pengurusan Pemberimilikan Tanah Rizab Melayu melibatkan empat jabatan iaitu Pejabat Tanah dan Galian Negeri Johor, Pejabat Tanah Daerah Kota Tinggi, Pejabat Tanah Daerah Segamat dan Pejabat Tanah Daerah Kecil Pengerang;
 - c. Pengurusan Pembangunan Taman Negara Johor melibatkan satu agensi iaitu Perbadanan Taman Negara Johor (PTNJ);
 - d. Pengurusan syarikat iaitu YPJ Builders Sdn. Bhd.;
 - e. Tunggakan Hasil Daripada Projek Ladang Hutan melibatkan Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor;
 - f. Pembayaran Penyenggaraan Pusat Pentadbiran Kerajaan Negeri Johor di Kota Iskandar melibatkan dua jabatan iaitu Unit Senggara Aset, Jabatan Kerja Raya Negeri Johor dan Bahagian Khidmat Pengurusan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor; dan
 - g. Perolehan Bekalan dan Penyenggaraan melibatkan Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Mersing (JPS daerah mersing).
3. Pengauditan prestasi dan syarikat kerajaan melaporkan 30 penemuan keberhasilan daripada program/aktiviti yang dilaksanakan. Antara penemuan keberhasilan adalah seperti berikut:

- 3.1. Bagi aspek penilaian pencapaian objektif/keberhasilan pengurusan didapati:
- a. **Pengurusan Hutan dan Impak Kepada Alam Sekitar** - telah memberi sumbangan hasil kepada Kerajaan negeri bagi tempoh tahun 2016 hingga 2021 berjumlah RM88.17 juta. Selain itu, pengurusan hutan secara berkekalan dan kawasan yang telah dirizabkan oleh JPNJ bagi konservasi kepelbagaian biologi dan perkhidmatan ekosistem telah membolehkan flora dan fauna spesis endemik dilindungi dan masih dijumpai dalam hutan simpan kekal.
 - b. **Pengurusan Pemberimilikan Tanah Rizab Melayu** - sebanyak 22 (35.5%) daripada 62 lot tanah telah diusahakan dengan kegiatan pertanian dan dibangunkan dengan rumah kediaman seperti yang ditetapkan dalam syarat guna tanah.
 - c. **Pengurusan Pembangunan Taman Negara Johor** - seramai 55 orang penyelidik dari dalam negara dan luar negara telah menjalankan penyelidikan di Taman Negara Johor dalam tempoh tahun 2018 hingga 2021. Selain itu, PTNJ juga telah menerima empat pengiktirafan luar negara dan dua pengiktirafan dalam negara bagi aktiviti pemuliharaan biodiversiti.
 - d. **Pengurusan Syarikat YPJ Builders Sdn. Bhd.** – syarikat tidak pernah mengisytiharkan dividen sejak tahun 1994. Seramai 694 penjawat awam telah berjaya memiliki rumah daripada Projek Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM) yang dilaksanakan oleh YPJ Builders Sdn. Bhd. Pembangunan perumahan baharu juga telah memberi manfaat kepada Kerajaan dengan kutipan hasil (cukai harta dan tanah) berjumlah RM239,560 setahun.
4. Secara keseluruhannya, sebanyak 26 penemuan audit pengurusan dilaporkan meliputi 19 penemuan aktiviti jabatan/agensi, tujuh penemuan syarikat Kerajaan negeri dan enam penemuan pematuhan. Ringkasan isu utama adalah seperti berikut:
- 4.1. Terdapat satu kes ketirisan hasil berjumlah RM11.31 juta melibatkan Tunggalan Hasil Daripada Projek Ladang Hutan. Perjanjian telah ditandatangani antara Kerajaan negeri dengan pengusaha tetapi hasil belum dikutip dari tahun 2017 hingga 2022.
 - 4.2. Terdapat dua kes pembayaran tidak teratur melibatkan Pembayaran Penyenggaraan Pusat Pentadbiran Kerajaan Negeri Johor di Kota Iskandar berjumlah RM371,531 serta Perolehan Bekalan dan Penyenggaraan di JPS daerah mersing berjumlah RM44,873. Isu yang dibangkitkan adalah berkaitan dengan pengesahan kerja penyenggaraan hanya dilaksanakan antara 25 hingga 87 hari selepas berakhirnya sesuatu bulan tuntutan dan penggunaan gambar yang sama sebagai dokumen sokongan. Selain itu, perolehan penyenggaraan kenderaan, bot jabatan dan penyaman udara dilaksanakan tidak mengikut peraturan dan pekeliling yang berkuat kuasa.

- 4.3. Terdapat satu kes pembaziran melibatkan Pengurusan Pembangunan Taman Negara Johor berkaitan dengan sembilan projek infrastruktur berjumlah RM2.40 juta tidak digunakan dan dimanfaatkan sepenuhnya.
- 4.4. Terdapat dua kes kerugian melibatkan Perolehan Bekalan dan Penyenggaraan di JPS daerah mersing dan Pengurusan Syarikat YPJ Builders Sdn. Bhd. Isu yang dibangkitkan adalah berkenaan dengan bayaran telah dibuat terhadap kerja yang tidak dibekalkan berjumlah RM11,344 serta pembayaran denda dan ganti rugi berjumlah RM335,765 kepada pembeli kerana kelewatan dalam penyerahan rumah.
- 4.5. Terdapat lapan ringkasan isu kelemahan pengurusan seperti berikut:
- a. **Pengurusan Hutan dan Impak Kepada Alam Sekitar** – sebanyak 26 Cadangan Hutan Simpan Kekal belum selesai diwartakan mengambil masa antara 13 hingga 23 tahun dan sebanyak 77 kes penerokaan haram belum diselesaikan mengambil masa antara satu hingga 60 tahun.
 - b. **Pengurusan Pemberimilikan Tanah Rizab Melayu** - sebanyak 448 permohonan tanah lewat diperakukan mengambil masa antara empat bulan hingga 24 tahun dan sebanyak 160 hak milik tanah bertindih di lot tanah yang sama.
 - c. **Pengurusan Pembangunan Taman Negara Johor** – berlaku pencerobohan rizab taman negara seluas 274.64 hektar.
 - d. **Pengurusan Syarikat YPJ Builders Sdn. Bhd.** – syarikat mengalami kerugian terkumpul berjumlah RM36.26 juta sehingga tahun 2021 dan terdapat peningkatan kos berjumlah RM41.17 juta bagi projek PPAM Pengerang. Selain itu, pendahuluan kepada subsidiari berjumlah RM20.18 juta tiada kelulusan Lembaga Pengarah.
5. Hasil daripada pengauditan yang dilaksanakan, Jabatan Audit Negara telah mengemukakan 28 syor untuk diambil tindakan oleh jabatan/agensi/syarikat berkaitan. Antara syor yang dikemukakan adalah jabatan/agensi/syarikat dimohon menyediakan hala tuju yang jelas bagi projek/program yang hendak dilaksanakan dan mempercepatkan proses yang berkaitan dengan menambahbaik peraturan sedia ada. Selain itu, jabatan/agensi/syarikat juga harus meningkatkan penyeliaan/pemantauan secara berterusan bagi memastikan pematuhan terhadap kontrak/kerja yang dilaksanakan mematuhi spesifikasi yang ditetapkan dan kepentingan Kerajaan terpelihara.